PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2013

TINJAUAN KESELURUHAN

Permintaan dalam negeri yang kukuh mengekalkan pertumbuhan dalam keadaan permintaan luar negeri yang lebih lemah pada suku pertama

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku pertama 2013. Pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) kekal perlahan, manakala prestasi ekonomi di kebanyakan negara Eropah masih lemah berikutan cabaran dasar yang berterusan dan kebimbangan terhadap struktur dalam negeri. Di Asia, aktiviti ekonomi terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, apabila permintaan dalam negeri terus mengatasi kelemahan dalam permintaan luar negeri. Dalam keadaan persekitaran luar yang lebih lemah, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.1% pada suku pertama (S4 2012: 6.5%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh yang berkembang sebanyak 8.2% pada suku itu (S4 2012: 7.8%). Dari segi penawaran, meskipun industri berorientasikan dalam negeri terus mencatat pertumbuhan yang mampan, aktiviti dalam sektor ekonomi utama terjejas oleh keadaan luaran yang lemah.

Permintaan dalam negeri terus meningkat dengan nyata sebanyak 8.2% pada suku pertama (S4 2012: 7.8%). Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.5% (S4 2012: 6.2%), didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Keadaan ini turut disokong oleh pelaksanaan dasar gaji minimum. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana kepada 0.1% (S4 2012: 1.2%), disebabkan oleh perbelanjaan terhadap bekalan dan perkhidmatan yang lebih rendah.

Pertumbuhan dalam pembentukan modal tetap kasar kekal kukuh dengan peningkatan sebanyak 13.2%, disokong oleh perbelanjaan modal kedua-dua sektor awam dan swasta. Pelaburan swasta berkembang sebanyak

Ekonomi menjadi sederhana pada suku tahun pertama
(pada harga malar tahun 2005)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

10.9%, disokong oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkilangan berorientasikan dalam negeri dan subsektor perkhidmatan berkaitan pengguna, di samping pelaksanaan projek-projek dalam sektor minyak dan gas yang berterusan. Pelaburan awam berkembang sebanyak 17.3%, didorong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh perusahaan awam dalam sektor minyak dan gas, utiliti dan telekomunikasi, manakala perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan, dan sektor perdagangan dan industri.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi perlahan, terjejas oleh keadaan luaran yang lemah. Meskipun terdapat kelemahan dalam aktiviti berkaitan perdagangan, sektor perkhidmatan terus berkembang, disokong terutamanya oleh subsektor yang memenuhi keperluan pasaran dalam negeri. Pertumbuhan dalam sektor pertanian berterusan disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi, manakala sektor perlombongan merosot disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sedikit kepada 1.5% pada suku pertama (S4 2012: 1.3%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*.

Dalam sektor luaran, lebihan akaun semasa lebih rendah sedikit kepada RM8.7 bilion pada suku pertama, bersamaan dengan 3.9% daripada PNK, disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih rendah serta defisit perkhidmatan dan aliran keluar pendapatan yang lebih besar. Akaun kewangan bertukar arah untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1 bilion (S4 2012: - RM10.3 bilion), disebabkan aliran masuk pelaburan langsung dan portfolio daripada bukan pemastautin mengatasi aliran keluar yang berpunca daripada pelaburan langsung dan pelaburan portfolio oleh pemastautin. Imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM4 bilion (S4 2012: + RM5.9 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM431.2 bilion (bersamaan dengan USD139.6 bilion) pada 29 Mac 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 April 2013, kedudukan rizab berjumlah RM433.3 bilion (bersamaan dengan USD140.3 bilion), memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada 3.00% pada suku pertama 2013. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR tidak berubah, kadar antara bank bagi semua tempoh matang secara relatif stabil. Dari segi kadar faedah runcit, kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah pada suku itu. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul lebih rendah kepada 5.50% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 5.52%).

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM244.7 bilion (S4 2012: RM262.2 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 11% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 12.4%).

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berkurang kepada RM16.7 bilion pada suku pertama (S4 2012: RM37.7 bilion), mencerminkan terutamanya aktiviti penebusan yang jauh lebih tinggi dalam sekuriti hutang (RM32.2 bilion; S4 2012: RM13.1 bilion). Pembiayaan kasar daripada pasaran modal secara keseluruhannya, bagaimanapun, kekal kukuh bagi sektor awam dan swasta. Dalam sektor swasta, sebanyak RM22.6 bilion daripada dana kasar diperoleh melalui terbitan sekuriti hutang swasta, manakala RM1 bilion lagi diperoleh dalam pasaran ekuiti. Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh meningkat kepada RM25.3 bilion (S4 2012: RM21.6 bilion).

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama. Wang secara kecil atau M1, meningkat sebanyak RM4.1 bilion pada tempoh tersebut. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 11.9%). Wang secara luas, atau M3, meningkat sebanyak RM43.9 bilion pada suku itu, untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.1% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 9%). Peningkatan M3 disebabkan terutamanya oleh pemberian kredit kepada sektor swasta, perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi dan aliran masuk perdagangan bersih.

Pada suku pertama, pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain didorong terutamanya oleh ketidakpastian terhadap tempoh

pemansuhan dalam pelaksanaan langkah-langkah pelonggaran kuantitatif di AS dan perkembangan di Eropah. Keadaan ini seterusnya menyebabkan berlakunya pengeluaran dana daripada aset-aset dalam pasaran sedang pesat membangun. Ringgit juga dipengaruhi oleh ketidakpastian dalam negeri dalam tempoh ini menjelang Pilihan Raya Umum. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.0% berbanding dengan dolar AS, tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (8.4%), paun sterling (5.2%) dan euro (2.0%). Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau adalah bercampur-campur. Ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (3.3%) dan dolar Singapura (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia, renminbi China, peso Filipina dan baht Thailand antara 0.2% dan 5.2%.

Antara 1 April hingga 10 Mei 2013, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (10.9%), dolar AS (3.4%), paun sterling (1.8%), dan euro (1.7%). Ringgit bertambah kukuh berbanding dengan mata wang serantau antara 2.2% hingga 4.6%.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Meskipun pasaran kewangan global mengalami ketidaktentuan yang berterusan, kestabilan kewangan tetap utuh sepanjang suku pertama. Pengantaraan kewangan yang berkesan telah disokong oleh institusi kewangan yang mantap, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Sistem perbankan terus berdaya tahan, dengan penampan modal yang kukuh, keuntungan yang mampan dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi. Walaupun piawaian modal baharu di bawah Basel III telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sejak bulan Januari 2013, permodalan sistem perbankan terus kukuh, dengan Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1, Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal masing-masing pada 12.2%, 13.1%, dan 14.5%. Sektor insurans turut mencatat nisbah kecukupan modal yang kukuh sebanyak 221.6%, dan penampan modal melebihi RM22.7 bilion.

Permintaan dalam negeri dijangka kekal teguh dalam keadaan cabaran yang berterusan dalam persekitaran luar

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka terus berkembang, namun masih wujud risiko pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan. Dalam ekonomi maju, pemulihan ekonomi masih mudah terjejas oleh ketidaktentuan dasar dan risiko penularan. Pelaksanaan dasar-dasar yang berbeza-beza merentas rantau juga telah mengakibatkan kesan limpahan terhadap keadaan kewangan global. Walau bagaimanapun, di Asia, pertumbuhan akan terus didorong oleh permintaan dalam negeri, disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, serta dasar yang terus fleksibel.

Bagi ekonomi Malaysia, permintaan dalam negeri dijangka terus menjadi pemacu pertumbuhan, didorong oleh peningkatan sektor swasta yang mampan serta disokong oleh sektor awam. Walaupun perkembangan global akan terus berdepan dengan risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan, aktiviti perdagangan dalam rantau dijangka memperkukuh prestasi pertumbuhan.

PERKEMBANGAN PADA SUKU PERTAMA 2013

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pengembangan sederhana dalam aktiviti ekonomi global

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku pertama 2013, dengan momentum pertumbuhan masih tidak sekata antara dan di dalam rantau. Dalam kalangan ekonomi maju, pertumbuhan di AS masih perlahan, manakala kebanyakan ekonomi Eropah mengalami prestasi ekonomi yang lemah atau negatif. Di Asia, pertumbuhan ekonomi berterusan, walaupun pada kadar yang lebih perlahan. Memandangkan prestasi ekonomi yang sederhana dan inflasi yang rendah, pihak berkuasa kewangan terus mengekalkan dasar-dasar yang akomodatif untuk menyokong proses pemulihan.

Keadaan pasaran kewangan secara amnya bertambah baik pada suku pertama, memandangkan perkembangan ekonomi dan dasar yang menggalakkan telah menghasilkan tanggapan pasaran bahawa kemungkinan timbulnya risiko yang jarang-jarang berlaku (tail risk) adalah lebih rendah. Pada awal suku pertama, pasaran ekuiti global bertambah baik, disokong oleh kejayaan mengelak cenuram fiskal (fiscal cliff), penggantungan sementara had hutang berkanun serta pengumuman data ekonomi yang positif di AS. Komitmen oleh bank-bank pusat utama untuk mengekalkan pendirian dasar akomodatif terus memperkukuh keyakinan para pelabur. Khususnya, jangkaan pasaran di Jepun menjadi bertambah baik dengan pengenalan pendirian "pelonggaran secara terbuka dalam dasar monetari" dan penggunaan sasaran inflasi 2%. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan pasaran meningkat pada bulan Februari dan Mac, berikutan timbulnya semula keadaan yang tidak menentu di kawasan euro. Keputusan pilihan raya di Itali yang masih belum muktamad dan ketegangan politik dalaman di Sepanyol telah menyebabkan tercetusnya kebimbangan mengenai keupayaan negara-negara yang berhutang itu untuk melaksanakan reformasi ekonomi. Di samping itu, cadangan awal untuk mengenakan levi deposit sebagai syarat untuk menyelamatkan Cyprus telah meningkatkan ketidaktentuan terhadap kemajuan dalam pembentukan kesatuan perbankan Eropah. Meskipun terdapat perkembangan ini, pasaran ekuiti global menamatkan suku pertama pada paras yang lebih tinggi.

Ekonomi AS terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku pertama 2013 (1.8%; S4 2012: 1.7%). Berasaskan pelarasan bermusim tahunan, pertumbuhan meningkat sebanyak 2.5% (S4 2012: 0.4%), disokong oleh peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan swasta dan pelaburan inventori swasta. Pemulihan dalam aktiviti ekonomi sektor swasta telah diterajui oleh pasaran perumahan dan pasaran pekerja yang meningkat secara beransur-ansur. Pelaburan dalam harta kediaman berkembang sebanyak 13% (S4 2012: 14.9%), disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pembinaan dan jualan harta kediaman dalam keadaan kadar gadai janji yang semakin menurun dan bekalan harta kediaman yang secara relatif rendah. Pekerjaan dalam sektor bukan perladangan juga mencatat penambahan sebanyak 618,000 pekerjaan pada suku itu (S4 2012: 626,000 pekerjaan). Walaupun kadar pengangguran menurun kepada 7.7% (S4 2012: 7.8%), ini bagaimanapun disebabkan sebahagiannya oleh kadar penyertaan tenaga kerja yang lebih rendah lantas menegaskan lagi keadaan pemulihan yang tidak sekata dalam pasaran pekerja. Perbelanjaan kerajaan terus memberi kesan kepada kadar pertumbuhan (-2.1%; S4 2012: -1.8%) berikutan perbelanjaan pertahanan yang lebih rendah dan diburukkan lagi oleh potongan am oleh kerajaan (sequester cuts) sebanyak USD85 bilion mulai bulan Mac. Inflasi lebih rendah pada 1.7% (S4 2012: 1.9%) memandangkan kenaikan yang secara relatif lemah dalam kategori makanan dan inflasi harga petrol telah mengimbangi kenaikan harga rumah kediaman.

Di kawasan euro, prestasi ekonomi masih lemah. Permintaan dalam negeri telah terjejas oleh sentimen sektor swasta yang

lemah dalam keadaan terdapatnya langkah penjimatan dan krisis hutang kerajaan yang berterusan. Khususnya, aktiviti ekonomi dalam negara yang dilanda krisis terus merosot disebabkan oleh pasaran pekerja yang amat lembap, pendapatan yang rendah dan syarat pembiayaan yang ketat. Yang nyata, kadar pengangguran naik ke paras yang tinggi iaitu 12.1%, dengan Greece dan Sepanyol mencatat kadar pengangguran tertinggi, masing-masing pada 27% dan 26.7%. Sementara itu, eksport berkembang sedikit, disokong oleh pertumbuhan yang sederhana dalam permintaan global. Inflasi menjadi sederhana sedikit kepada 1.9% (S4 2012: 2.3%), disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah.

Ekonomi UK berkembang sebanyak 0.6% pada suku pertama (S4 2012: 0.2%). Berasaskan pelarasan secara bermusim, pertumbuhan suku tahunan pulih untuk mencatat kenaikan sebanyak 0.3% (S4 2012: -0.3%), didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan. Pengembangan ini adalah menyeluruh, meliputi semua subsektor perkhidmatan lantas menyumbang sebanyak 0.5 mata peratusan kepada pertumbuhan suku tahunan. Pengeluaran juga meningkat, sebahagian besarnya disebabkan oleh pemulihan dalam aktiviti perlombongan dan kuari memandangkan operasi di Laut Utara disambung semula setelah tamat tempoh penyelenggaraan yang telah dilanjutkan. Di samping itu, pengeluaran bekalan tenaga meningkat disebabkan oleh cuaca sejuk yang luar biasa. Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan terus menguncup pada suku itu. Kadar inflasi kekal stabil pada 2.8% (S4 2012: 2.7%).

Di Jepun, aktiviti ekonomi pada suku pertama mendapat manfaat daripada pemulihan sederhana dalam permintaan luaran dan aktiviti pembinaan semula yang berterusan. Eksport bertambah baik pada suku pertama (1.2%; S4 2012: -5.5%), disebabkan terutamanya oleh penghantaran yang lebih tinggi ke AS. Aktiviti permintaan dalam negeri bagaimanapun masih dipengaruhi oleh asas-asas ekonomi yang lemah. Aktiviti penggunaan menjadi sederhana disebabkan oleh peningkatan upah yang kecil sementara jualan runcit terus merosot (-1.2%; S4 2012: 0%). Pengeluaran perindustrian juga menguncup (-7.9%; S4 2012: -5.9%), disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah terhadap jentera am, elektronik dan kelengkapan pengangkutan. Namun, sentimen pengguna dan perniagaan mula bertambah baik menjelang akhir suku pertama selaras dengan manfaat yang dijangka diperoleh daripada langkah-langkah rangsangan dasar untuk menggerakkan pertumbuhan oleh kerajaan yang baharu dipilih dan Bank of Japan (BoJ). Ini meliputi pengumuman pelonggaran dasar monetari secara lebih agresif, sasaran inflasi 2%, dan pakej rangsangan fiskal berjumlah ¥10.3 trilion. Yang penting, indeks keyakinan pengguna bertambah baik untuk mencapai paras yang tinggi dalam tempoh 5 tahun, pada 44.8 pada bulan Mac. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) kekal rendah pada -0.3% (S4 2012: -0.1%),disebabkan oleh kemerosotan dalam harga rekreasi.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
AS[1]	2.0	0.4	2.2	2.5[a]
UK	0.5	0.2	0.3	0.6[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari ekonomi maju masih lagi amat akomodatif pada suku pertama. Di AS, Federal Open Market Committee (FOMC) mengekalkan kadar dana persekutuan pada 0-0.25%, dan meneruskan program pembelian asetnya. Di kawasan euro, European Central Bank (ECB) menurunkan kadar faedah bagi operasi pembiayaan semula yang utama sebanyak 25 mata asas kepada 0.5% pada bulan Mei 2013. Dalam keadaan sentimen ekonomi yang berterusan lemah, potongan kepada kadar faedah dijangka dapat mencerahkan prospek pemulihan lewat tahun 2013 kelak. ECB juga mengumumkan bahawa pendirian dasar monetarinya akan kekal akomodatif 'selama ia diperlukan'. Bank of England (BoE) mengekalkan kadar dasar utamanya pada 0.5% dan meneruskan program pembelian asetnya yang berjumlah sebanyak £375 bilion.

BoE dan HM Treasury turut memperluas Skim Pembiayaan Pemberian Pinjaman dan melanjutkannya sehingga akhir tahun 2015. Sementara itu, insentif kepada bank untuk memberikan pinjaman kepada syarikat kecil dan sederhana telah ditambah, dan buat pertama kalinya, pemberi kredit bukan bank dimasukkan dalam skim tersebut. Di Jepun, BoJ mengumumkan perubahan yang menyeluruh terhadap rangka kerja dasar monetarinya, dengan memperkenalkan "Pelonggaran Monetari Secara Kualitatif dan Kuantitatif". Rangka kerja baharu ini menyepadukan dan menggantikan program pembelian aset terdahulu untuk mencapai sasaran kestabilan harga 2% dalam masa dua tahun. Sasaran utama dasar kini adalah terhadap mata wang dalam edaran dan deposit bank perdagangan di BoJ (monetary base), dengan sasaran sebanyak ¥200 trilion menjelang akhir tahun 2013 dan ¥270 trilion pada akhir tahun 2014 (akhir tahun 2012: ¥138 trilion, 29% daripada KDNK). Sasaran ini akan dapat dicapai dengan menggandakan pemegangan bon kerajaan Jepun oleh bank pusat, melanjutkan tempoh kematangan purata bon dibeli sebanyak dua kali ganda, dan meningkatkan pembelian aset swasta. Sementara itu, Reserve Bank of Australia menurunkan kadar tunainya sebanyak 25 mata asas kepada 2.75% pada bulan Mei 2013, memandangkan terdapat tanda-tanda pertumbuhan berada di bawah trend pertumbuhan KDNK dalam keadaan tekanan inflasi yang terkawal sejak separuh kedua tahun 2012.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
RR China	8.1	7.9	7.8	7.7[p]
Indonesia	6.3	6.1	6.2	6.0
Hong Kong SAR	0.7	2.8	1.5	2.8
Korea	2.8	1.5	2.0	1.5[a]
China Taipei	0.6	3.7	1.3	1.5[a]
Singapura	1.5	1.5	1.3	-0.6[a]

[p] Awalan
[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Kebanyakan ekonomi di Asia terus berkembang pada suku pertama, meskipun kadar pertumbuhan adalah lebih perlahan. Permintaan dalam negeri kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses kepada pembiayaan yang berterusan dan paras pendapatan yang semakin meningkat. Dalam beberapa ekonomi serantau, aktiviti pelaburan secara keseluruhan terus disokong oleh perbelanjaan kerajaan, khususnya untuk projek infrastruktur. Perdagangan serantau juga memberikan sokongan kepada pertumbuhan, namun ini telah diimbangi sebahagiannya oleh permintaan yang lembap dari Amerika Syarikat dan Eropah. Pertumbuhan di Korea, Hong Kong SAR dan Indonesia adalah mampan (1.5%, 2.8% dan 6%; S4 2012: masing-masing 1.5%, 2.8% dan 6.1%), apabila eksport bersih yang lebih baik telah mengimbangi aktiviti pelaburan yang lebih lemah. Di Indonesia dan Hong Kong SAR, aktiviti penggunaan yang berdaya tahan juga telah menyokong aktiviti ekonomi kedua-dua negara ini. Di RR China, pengembangan ekonomi menjadi sederhana kepada 7.7% (S4 2012: 7.9%), berikutan aktiviti perindustrian yang lebih perlahan. Pertumbuhan ekonomi di China Taipei menjadi sederhana kepada 1.5% (S4 2012: 3.7%), dalam keadaan penggunaan swasta yang lembap dan pertumbuhan eksport yang lebih rendah. Di Singapura, pertumbuhan menguncup sebanyak 0.6% (S4 2012: 1.5%), disebabkan oleh sektor perkilangan yang merosot pada kadar yang lebih cepat, terutamanya akibat penguncupan dalam kelompok perkilangan bioperubatan.

Inflasi meningkat pada kadar yang lebih cepat sedikit di beberapa ekonomi Asia, didorong oleh pelbagai faktor. Di RR China dan Indonesia, harga makanan meningkat berikutan keadaan bekalan yang lebih rendah. Di Filipina, kenaikan inflasi disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga alkohol dan tembakau berikutan cukai yang lebih tinggi. Di Singapura pula, kos pengangkutan swasta meningkat. Kadar kenaikan harga di India bagaimanapun menurun disebabkan terutamanya oleh kos keluaran perkilangan yang lebih rendah.

Dalam keadaan tekanan inflasi yang kekal sederhana pada amnya, kebanyakan bank pusat serantau mengekalkan kadar dasar utama mereka pada suku pertama untuk menyokong

aktiviti ekonomi. Namun, Bank of Korea dan Reserve Bank of India mengurangkan kadar faedah penanda aras mereka sebanyak 25 mata asas, masing-masing kepada 2.50% dan 7.25% pada bulan Mei 2013, berikutan kebimbangan mengenai aktiviti ekonomi yang lemah dalam keadaan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan akibat persekitaran global. State Bank of Vietnam juga mengurangkan kadar-kadar diskaun, pembiayaan semula dan semalamannya sebanyak 100 mata asas, masing-masing kepada 5%, 7% dan 8% untuk meningkatkan pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan dan menyokong ekonomi negara. Di samping itu, Bangko Sentral ng Pilipinas menurunkan kadar faedah kemudahan Akaun Deposit Khas (Special Deposit Account, SDA) sebanyak 50 mata asas kepada 2% bagi semua tempoh matang pada bulan April 2013, untuk terus meningkatkan kecekapan operasi menyerap mudah tunai melalui kemudahan SDA.

Di tengah-tengah kebimbangan yang masih wujud terhadap inflasi harga harta tanah dalam beberapa ekonomi, beberapa pihak berkuasa kewangan telah mengambil langkah-langkah kehematan makro tambahan yang disasarkan pada sektor harta tanah pada suku itu. Di Singapura, langkah-langkah dasar yang diambil termasuk duti setem tambahan ke atas pembelian pertama harta kediaman oleh pemastautin tetap dan pembelian rumah kediaman kedua oleh warga Singapura, dan nisbah pinjaman kepada nilai yang lebih rendah untuk gadai janji kedua dan berikutnya. Begitu juga di RR China, bagi membendung permintaan spekulatif untuk harta tanah, kerajaan telah mengenakan keperluan menyediakan bayaran wang pendahuluan dan kadar gadai janji yang lebih tinggi serta memperketat larangan pembelian rumah kedua di beberapa buah bandar raya.

Pada suku pertama, harga minyak mentah global[1] berpurata lebih tinggi pada USD112.57 setong (S4 2012: USD110.11). Kenaikan harga minyak didorong oleh pengeluaran yang lebih rendah di Arab Saudi, permintaan yang lebih tinggi untuk tujuan pemanasan berikutan cuaca sejuk yang luar biasa di AS dan beberapa kawasan di Eropah, dan permintaan RR China yang lebih tinggi daripada jangkaan disebabkan loji penapisannya meningkatkan pengeluaran sebelum perayaan Tahun Baharu China. Sementara minyak mentah didagangkan pada harga yang tinggi dalam tempoh 9 bulan pada USD118.72 pada pertengahan bulan Februari, trend kenaikan harga minyak bertukar arah pada separuh kedua suku itu di tengah-tengah sentimen yang pesimistik susulan ketidaktentuan yang lebih ketara di kawasan euro dan pertambahan inventori di AS.

Berbanding dengan dolar AS, kebanyakan mata wang utama mengakhiri suku pertama pada paras yang lebih rendah. Pada awal suku tersebut, euro mencatat trend menaik, memandangkan kejayaan lelongan bon di Portugal dan Sepanyol telah menambah keyakinan pasaran bahawa negara-negara yang dilanda krisis hutang berupaya untuk terus mengurangkan hutang mereka. Walau bagaimanapun, trend penambahan nilai mata wang bertukar arah pada bulan Februari dipengaruhi oleh penilaian yang lebih lemah terhadap ekonomi kawasan euro dan keadaan politik yang tidak menentu di Itali. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kebimbangan mengenai kestabilan kewangan dalam kesatuan kewangan itu berikutan terdapat ketidakpastian berhubung dengan syarat-syarat untuk menyelamatkan Cyprus. Di UK, paun sterling menyusut nilai sebanyak 6.5% berbanding dengan dolar AS, berikutan penurunan penarafan kredit negara itu dan pengumuman data ekonomi yang lebih lemah. Yen Jepun juga menyusut nilai sebanyak 7.9% berbanding dengan dolar AS kerana pasaran menjangkakan rangsangan dasar oleh Jepun adalah lebih agresif. Kebanyakan mata wang Asia juga menyusut nilai berbanding dengan dolar AS berikutan pengumuman data ekonomi yang sederhana dalam beberapa ekonomi mengurangkan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan di Asia. Penyusutan nilai ini terus dipengaruhi oleh ketidaktentuan pasaran yang

[1] Merujuk kepada niaga hadapan satu bulan Brent di Intercontinental Exchange (ICE)

lebih ketara yang mula melanda kawasan euro. Trend dalam renminbi China bagaimanapun bertukar arah daripada penyusutan nilai pada awal bulan Februari, kepada penambahan nilai untuk mengakhiri suku pertama dengan lebih kukuh susulan pengumuman beberapa data ekonomi yang menggalakkan. Berbeza dengan trend serantau, baht Thailand menambah nilai, sebahagiannya disokong oleh prospek pertumbuhan Thailand yang lebih menggalakkan. Permintaan terhadap baht Thailand terus dirangsang oleh penyenaraian dana infrastruktur Thailand sebanyak USD2.1 bilion tahun ini.

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka terus berkembang pada kadar yang sederhana. Namun, masih wujud risiko pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan. Walaupun terdapat kemajuan dalam usaha ekonomi maju yang utama untuk menangani isu-isu fiskal dan kewangan, kemampanan pemulihan ekonomi masih mudah terjejas oleh ketidaktentuan dasar yang berterusan dan risiko kontagion. Pelaksanaan dasar-dasar yang berbeza merentas rantau juga telah mengakibatkan kesan limpahan terhadap keadaan kewangan global, seperti ditunjukkan oleh aliran modal yang besar ke dalam ekonomi sedang pesat membangun. Walau bagaimanapun, pertumbuhan di Asia akan terus didorong oleh permintaan dalam negeri, disokong oleh peningkatan pendapatan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan serta dasar yang terus fleksibel.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Permintaan dalam negeri yang kukuh mengekalkan pertumbuhan dalam keadaan permintaan luar negeri yang lebih lemah pada suku pertama

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.1% pada suku pertama tahun 2013 (S4 2012: 6.5%), disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh yang berkembang sebanyak 8.2% pada suku itu (S4 2102: 7.8%). Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh pada suku pertama, manakala pembentukan modal tetap kasar juga kekal teguh, mencerminkan perbelanjaan modal yang berterusan oleh sektor swasta dan awam. Eksport yang menguncup sedikit pada suku pertama, serta pertumbuhan import yang lebih tinggi, telah menyebabkan sumbangan negatif eksport bersih kepada pertumbuhan menjadi lebih besar. Dari segi penawaran, meskipun industri berorientasikan dalam negeri terus mencatat pertumbuhan yang mampan, aktiviti dalam sektor ekonomi utama terjejas oleh keadaan luaran yang lemah.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan Tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	90.6	9.7	7.8	10.6	8.2
Penggunaan	63.7	7.6	4.9	7.1	6.1
Sektor swasta	*50.6*	*7.3*	*6.2*	*7.7*	*7.5*
Sektor awam	*13.2*	*9.2*	*1.2*	*5.1*	*0.1*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	26.8	14.9	16.0	19.9	13.2
Sektor swasta	*15.5*	*18.7*	*20.1*	*21.9*	*10.9*
Sektor awam	*11.3*	*8.9*	*12.9*	*17.1*	*17.3*
Eksport Bersih	8.5	-25.9	-9.3	-31.7	-36.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*95.0*	*2.2*	*-1.6*	*-0.1*	*-0.6*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*86.5*	*7.0*	*-0.6*	*4.7*	*3.6*
KDNK	**100.0**	**5.1**	**6.5**	**5.6**	**4.1**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri kekal kukuh

Permintaaan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.2% pada suku pertama (S4 2012: 7.8%). Pertumbuhan didorong oleh penggunaan swasta yang lebih tinggi, manakala pembentukan modal tetap kasar kekal teguh dengan kadar pertumbuhan dua angka.

Penggunaan swasta meningkat dengan kukuh pada suku pertama (7.5%; S4 2012: 6.2%), didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Perbincangan dan interaksi dengan ahli industri juga menunjukkan bahawa pekerja telah memperoleh manfaat daripada pelaksanaan dasar gaji minimum pada bulan Januari 2013. Pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh ditunjukkan oleh peningkatan jualan kereta penumpang baharu dan perbelanjaan kad kredit. Walau bagaimanapun, pertumbuhan penggunaan awam menjadi sederhana pada suku pertama (0.1%; S4 2012: 1.2%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar terus mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 13.2% (S4 2012: 16%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor swasta dan sektor awam. Pelaburan sektor swasta berkembang sebanyak 10.9% (S4 2012: 20.1%), disokong oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam subsektor perkilangan berorientasikan dalam negeri dan subsektor perkhidmatan berorientasikan perkhidmatan berkaitan pengguna, iaitu telekomunikasi, harta kediaman dan penerbangan, di samping pelaksanaan projek-projek dalam sektor minyak dan gas yang berterusan. Pelaburan awam berkembang sebanyak 17.3% (S4 2012: 12.9%), didorong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh perusahaan awam dalam sektor minyak dan gas, telekomunikasi dan utiliti. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan terutamanya ke dalam sektor pengangkutan, pendidikan dan sektor perdagangan dan industri. Mengikut jenis aset, aktiviti pelaburan adalah menyeluruh, seperti

yang ditunjukkan oleh pertumbuhan pelaburan yang kukuh dalam jentera dan peralatan (15.1%; S4 2012: 12%) serta struktur (13.1%; S4 2012: 21.5%).

PMTK mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk aktiviti cari gali mineral, penyelidikan & pembangunan dan lain-lain.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor ekonomi utama terjejas oleh keadaan luaran yang lemah

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi perlahan, terjejas oleh keadaan luaran yang lemah. Meskipun terdapat kelemahan dalam aktiviti berkaitan perdagangan, sektor perkhidmatan terus berkembang, disokong terutamanya oleh subsektor yang memenuhi keperluan pasaran dalam negeri. Pertumbuhan dalam sektor pertanian berterusan disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi, manakala sektor perlombongan merosot disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah. Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan yang kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	7.3	2.4	5.6	1.0	6.0
Perlombongan	8.4	0.3	4.2	1.4	-1.9
Perkilangan	24.9	4.4	5.7	4.8	0.3
Pembinaan	3.5	15.4	17.6	18.1	14.7
Perkhidmatan	54.6	5.7	6.4	6.4	5.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.1**	**6.5**	**5.6**	**4.1**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan menjadi perlahan kepada 0.3% pada suku pertama (S4 2012: 5.7%), terjejas terutamanya oleh permintaan luar negeri yang lemah. Pertumbuhan dalam industri berorientasikan eksport menguncup (-0.6%; S4 2012: 5.3%), disebabkan kelemahan dalam permintaan global bagi elektronik dan keluaran elektrik (E&E), dan permintaan serantau yang lebih sederhana bagi keluaran petroleum yang ditapis, kimia dan keluaran kimia. Namun, industri berorientasikan pasaran dalam negeri mencatat pertumbuhan sebanyak 2.4% (S4 2012: 8.1%), disokong oleh aktiviti ekonomi yang berterusan dalam kelompok keluaran berkaitan pengguna dan kelompok berkaitan pembinaan.

Secara keseluruhan, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan adalah rendah sedikit pada suku pertama (79%; S4 2012: 80%). Industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri masing-masing beroperasi pada 80% dan 74% daripada jumlah kapasiti (S4 2012: masing-masing 80% dan 79%).

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.9% pada suku pertama (S4 2012: 6.4%), didorong terutamanya oleh subsektor yang memenuhi keperluan pasaran dalam negeri. Pertumbuhan dalam subsektor borong dan runcit bertambah baik kepada 5.9% (S4 2012: 2.4%). Segmen runcit disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh, manakala pertumbuhan dalam segmen borong

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

disebabkan oleh jualan borong keluaran petroleum untuk penggunaan dalam negeri. Dalam sektor komunikasi, pertumbuhan kekal kukuh (9%; S4 2012: 8.6%), didorong oleh permintaan yang berterusan bagi perkhidmatan komunikasi data. Subsektor kewangan dan insurans terus berkembang (6.2%; S4 2012: 10.8%), disebabkan oleh pertumbuhan pemberian pinjaman bank dan pendapatan faedah bersih yang kekal menggalakkan. Walau bagaimanapun, aktiviti pasaran modal yang lebih perlahan menjejaskan pendapatan fi pada suku pertama. Sementara itu, pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan adalah lebih rendah (3.8%; S4 2012: 4.4%), disebabkan oleh aktiviti perdagangan luar negeri yang lebih perlahan.

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2012 (%)	2012			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (RM juta pada harga malar tahun 2005)		**4.4**	**5.7**	**4.8**	**0.3**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**4.6**	**6.0**	**5.0**	**0.1**
Industri berorientasikan eksport	**80.2**	**3.0**	**5.3**	**3.9**	**-0.6**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**32.3**	**0.0**	**3.9**	**2.2**	**0.9**
Antaranya:					
Elektronik	21.4	-3.6	12.7	4.2	8.4
Keluaran elektrik	10.9	4.6	-5.8	-0.2	-7.7
Kelompok keluaran berkaitan	**47.9**	**4.5**	**6.0**	**4.9**	**-1.4**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	17.4	9.1	7.8	8.4	3.1
Keluaran petroleum	15.8	3.8	4.2	4.3	-11.3
Keluaran getah	2.5	3.4	3.2	3.0	11.6
Pemprosesan di luar estet	3.7	2.2	11.1	0.0	11.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**19.8**	**10.0**	**8.1**	**8.3**	**2.4**
Kelompok berkaitan pembinaan	**8.3**	**8.3**	**10.5**	**8.5**	**2.9**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	5.5	0.9	-1.6	0.9	-3.0
Keluaran logam yang direka	2.8	17.4	25.2	18.0	9.2
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.5**	**11.4**	**6.2**	**8.1**	**2.1**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	4.3	9.9	19.1	13.9	8.3
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.2	11.5	0.7	5.8	-1.0

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**41.0**	**5.1**	**8.3**	**7.4**	**6.3**
Kewangan & insurans	17.2	2.0	10.8	7.8	6.2
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.1	7.0	6.6	7.2	6.3
Pengangkutan & penyimpanan	6.7	5.9	4.4	4.9	3.8
Komunikasi	7.0	9.4	8.6	9.2	9.0
Perkhidmatan Akhir	**59.0**	**6.1**	**5.1**	**5.8**	**5.7**
Perdagangan borong & runcit	26.1	6.5	2.4	4.8	5.9
Penginapan & restoran	4.5	6.2	4.8	5.4	6.2
Utiliti	4.6	5.0	4.1	4.3	3.9
Perkhidmatan Kerajaan	14.7	7.0	11.3	9.5	6.0
Perkhidmatan lain	9.2	4.1	4.1	3.9	5.2
Jumlah Perkhidmatan	**100.0[1]**	**5.7**	**6.4**	**6.4**	**5.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	Indeks			
Indeks Sentimen Pengguna MIER	114.3	118.7	116.6	122.9
Indeks Perdagangan Runcit MIER	85.3	94.8	107.4	101.0
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	125.2	129.8	125.6	115.5
	Perubahan tahunan (%)			
Ketibaan pelancong	0.4	2.9	1.3	t.d.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	6.4	8.6	4.9	9.1
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.8	7.1	7.1	7.7
Jumlah pinjaman terkumpul	12.2	10.4	10.4	10.6
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	11.3	12.1	12.1	14.2
Import barangan penggunaan	20.4	5.7	11.6	-0.6
Jumlah jualan kenderaan bermotor	-12.6	13.1	4.6	13.8
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	7.4	0.4	3.4	-0.4

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2012 (%)	2012			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**2.4**	**5.6**	**1.0**	**6.0**
Tanaman Industri	**55.7**	**1.5**	**4.9**	**-2.5**	**5.4**
Antaranya:					
Kelapa Sawit	36.5	3.5	11.6	-0.3	14.6
Getah	8.2	-9.3	0.9	-6.3	-2.2
Tanaman Makanan	**44.3**	**3.5**	**6.7**	**5.7**	**6.7**
Antaranya:					
Perikanan	14.4	-4.0	5.8	1.8	6.9
Ternakan	11.7	10.6	11.6	9.0	6.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2012 (%)	2012			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**0.3**	**4.2**	**1.4**	**-1.9**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-	1.4	5.8	3.0	-3.5
Gas asli	-	-0.2	4.6	1.5	0.3

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan nilai ditambah sektor pertanian kekal mampan (6%; S4 2012: 5.6%), didorong terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi dan disokong oleh pengeluaran perikanan yang lebih tinggi. Sementara itu, sektor perlombongan menguncup sebanyak 1.9% (S4 2012: 4.2%), dipengaruhi oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah.

Pertumbuhan sektor pembinaan kekal kukuh (14.7%; S4 2012: 17.6%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan yang teguh dalam subsektor kejuruteraan awam. Projek infrastruktur serta projek minyak dan gas, seperti MRT, Loji Kuasa Tanjung Bin, Janamanjung dan Medan Gas Kebabangan, terus memacu pertumbuhan dalam subsektor ini. Subsektor kediaman terus menyokong pertumbuhan, didorong oleh pembinaan harta kediaman di Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Kelulusan perumahan	75.6	12.3	47.4	-19.0
Permit jualan dan pengiklanan perumahan baharu	12.5	-1.1	11.9	-14.8
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	8.3	10.5	8.5	2.9
Produk berstruktur logam	49.2	40.9	32.8	14.7
Besi dan keluli	-11.7	-3.6	-5.8	6.6
Produk tanah liat dan seramik berstruktur bukan refaktori	3.3	3.4	5.3	-6.4
Konkrit siap dibancuh	18.2	18.4	19.7	23.1
Pinjaman untuk sektor pembinaan				
Kelulusan	38.2	-59.6	-18.2	-28.9
Pengeluaran	15.7	4.2	20.5	23.5

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Inflasi lebih tinggi sedikit pada suku pertama

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat sedikit kepada 1.5% pada suku pertama (S4 2012: 1.3%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol*.

Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol* meningkat kepada 2.9% (S4 2012: 2%), disebabkan terutamanya oleh harga yang lebih tinggi dalam subkategori *daging segar* (5.7%; S4 2012: -1.6%) berpunca daripada harga makanan ayam yang lebih tinggi. Harga *sayur-sayuran segar* juga lebih tinggi sebanyak 4.6% (S4 2012: 1.9%), disebabkan sebahagiannya oleh bawang import yang lebih mahal.

Sementara itu, inflasi dalam kategori *pengangkutan* tidak berubah pada 0.6%. Walaupun harga petrol RON97 dinaikkan pada bulan Mac, harga purata pada suku pertama adalah lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2012 (RM 2.77 seliter; S1 2012: RM 2.80 seliter). Kesan daripada harga petrol purata yang lebih rendah diimbangi sebahagiannya oleh inflasi yang lebih tinggi dalam subkategori *pembaikan dan penyenggaraan pengangkutan peribadi* (3.7%, S4 2012: 2.8%).

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatat kemerosotan yang lebih kecil pada kadar tahunan 3.4% pada suku pertama (S4 2012: -3.7%). Harga komponen berkaitan komoditi merosot sebanyak 9.5% (S4 2012: -10.3%), manakala harga komponen bukan berkaitan komoditi meningkat sebanyak 0.2% pada suku pertama (S4 2012: +0.2%). Berdasarkan negara asal, harga komponen tempatan dan komponen yang diimport masing-masing merosot sebanyak 4.6% dan 0.5% (S4 2012: masing-masing -5.2% dan 0%).

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja menggalakkan

Keadaan guna tenaga bertambah baik pada suku pertama, dengan jumlah guna tenaga berpurata 12.88 juta orang pada dua bulan pertama dalam suku pertama. Ini mewakili pertambahan pekerjaan bersih sebanyak 342,800 orang berbanding dengan suku keempat tahun 2012, dan kadar pengangguran kekal rendah pada 3.2% pada bulan Januari-Februari (S4 2012: 3.1%). Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia juga menurun dengan ketara kepada 2,058 orang (S4 2012: 4,823 orang), berikutan jumlah pemberhentian pekerja yang lebih rendah dalam sektor perkilangan.

Walau bagaimanapun, permintaan terhadap tenaga pekerja berkurang pada suku pertama, seperti ditunjukkan oleh jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan di Portal JobsMalaysia (322,146 jawatan; S4 2012: 429,928 jawatan) yang lebih rendah. Sementara itu, pertumbuhan dalam agregat upah benar dalam sektor perkilangan kekal pada 6.6% (S4 12: 6.9%).

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Sektor luaran menjadi sederhana

Lebihan akaun semasa mengecil pada suku pertama kepada RM8.7 bilion, bersamaan dengan 3.9% daripada PNK, disebabkan oleh lebihan barangan yang lebih rendah serta defisit perkhidmatan dan aliran keluar pendapatan yang lebih besar.

Imbangan Pembayaran[1]

	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**16.9**	**22.9**	**57.3**	**8.7**
(% daripada PNK)	*7.7*	*9.6*	*6.3*	*3.9*
Barangan	36.0	34.3	125.6	24.7
Perkhidmatan	-5.1	-2.2	-14.0	-3.4
Pendapatan primer	-8.7	-5.6	-36.0	-8.8
Pendapatan sekunder	-5.4	-3.5	-18.2	-3.8
Akaun Kewangan	**-10.3**	**-10.3**	**-23.0**	**1.0**
Pelaburan langsung	-9.5	-18.4	-21.7	-2.2
Aset	-21.5	-16.5	-51.9	-11.5
Liabiliti	12.0	-1.9	30.2	9.4
Pelaburan portfolio	25.1	10.4	58.4	3.9
Aset	-7.6	-4.1	-21.5	-5.3
Liabiliti	*32.7*	*14.5*	*79.8*	*9.2*
Derivatif kewangan	*-0.02*	*0.1*	*1.0*	*0.2*
Pelaburan lain	-25.9	-2.3	-60.6	-0.9
- Sektor awam	-0.8	-0.6	-1.7	-0.7
- Sektor swasta	-25.1	-1.7	-58.9	-0.2
Kesilapan dan ketinggalan bersih[2]	-13.7	-7.0	-30.6	-5.6
Imbangan Keseluruhan	**-7.2**	**5.9**	**3.9**	**4.0**

[1] Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset diluar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan perdagangan menurun kepada RM16.6 bilion pada suku pertama (S4 2012: RM26.6 bilion), disebabkan eksport kasar yang menguncup dan import kasar yang meningkat dengan lebih kukuh.

Eksport kasar kekal lemah pada suku pertama (-2.4%; S4 2012: -2.3%) kerana menerima kesan daripada penguncupan eksport perkilangan yang lebih besar. Kemerosotan eksport produk E&E yang berterusan disebabkan terutamanya oleh permintaan global yang lemah, khususnya terhadap komputer dan alat ganti serta keluaran elektrik. Eksport bukan E&E juga merosot ekoran permintaan yang lebih rendah, khususnya terhadap keluaran berkaitan petroleum dan

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2012 (%)	2012			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**100.0**	**3.9**	**-2.3**	**0.6**	**-2.4**
Perkilangan	67.0	1.2	-2.4	-0.1	-3.2
E&E	*32.9*	*-1.7*	*-4.4*	*-2.5*	*-4.9*
Bukan E&E	*34.1*	*4.1*	*-0.5*	*2.3*	*-1.6*
Petroleum & berkaitan pertanian	*12.9*	*5.0*	*-1.7*	*1.4*	*-3.6*
Kelengkapan & logam	*12.6*	*6.1*	*1.8*	*6.6*	*-0.9*
Pelbagai barangan perkilangan	*8.6*	*0.1*	*-2.2*	*-2.1*	*0.3*
Komoditi	32.1	9.1	-3.1	1.5	-1.1
Pertanian	*11.4*	*-7.8*	*-16.8*	*-14.8*	*-17.0*
Mineral	*20.7*	*20.9*	*6.2*	*13.6*	*7.4*
Import Kasar	**100.0**	**6.8**	**0.9**	**5.9**	**6.2**
Barangan modal	15.9	18.3	14.5	20.5	12.9
Barangan pengantara	61.4	-1.4	-8.8	-3.4	-1.9
Barangan penggunaan	7.5	20.4	5.7	11.6	-0.6
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	15.2	35.9	32.3	38.4	39.5
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**29.8**	**26.6**	**94.8**	**16.6**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

pertanian. Walau bagaimanapun, eksport komoditi mencatat penguncupan yang lebih kecil, hasil sokongan daripada permintaan serantau terhadap komoditi.

Import kasar mengembang dengan lebih cepat pada 6.2% (S4 2012: 0.9%), didorong terutamanya oleh peningkatan import barangan untuk dieksport semula dan pengembangan import modal yang mampan. Pertumbuhan kukuh dalam aktiviti import untuk dieksport semula disebabkan terutamanya oleh peningkatan import keluaran petroleum. Ini didorong oleh peningkatan dalam aktiviti perdagangan minyak ekoran bertambahnya terminal penyimpanan minyak di Johor. Import modal terus mencatat pertumbuhan dua angka, disokong oleh aktiviti pelaburan yang kukuh. Sebaliknya, pertumbuhan import penggunaan merosot sedikit disebabkan oleh import makanan dan minuman diproses serta barangan pengguna yang lebih sederhana. Import barangan pengantara kekal lemah sejajar dengan eksport perkilangan yang terus merosot.

Defisit akaun perkhidmatan lebih besar pada RM3.4 bilion pada suku pertama (S4 2012: -RM2.2 bilion). Defisit yang lebih besar ini disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam

pendapatan bersih daripada sektor perjalanan dan perkhidmatan perniagaan lain. Khususnya, pendapatan daripada perjalanan terjejas oleh jumlah ketibaan pelancong asing di Malaysia yang berkurang berbanding suku sebelumnya. Defisit akaun pendapatan utama bertambah besar pada RM8.8 bilion, disebabkan oleh pendapatan pelaburan terakru yang lebih tinggi kepada pelabur langsung asing di Malaysia dan pendapatan pelaburan terakru yang lebih rendah kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Penurunan dalam pendapatan syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dialami terutamanya oleh syarikat dalam sektor-sektor *minyak dan gas serta perkhidmatan.*

Akaun kewangan kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM1 bilion pada suku pertama (S4 2012: -RM10.3 bilion) memandangkan aliran masuk pelaburan langsung dan dana portfolio daripada bukan pemastautin mengatasi aliran keluar pelaburan langsung dan pelaburan portfolio oleh pemastautin.

Liabiliti pelaburan langsung mencatat kenaikan bersih (termasuk aliran masuk pelaburan langsung asing) sebanyak RM9.4 bilion (S4 2012: -RM1.9 bilion), sebahagian besarnya mencerminkan pendapatan tertahan syarikat multinasional di Malaysia yang lebih tinggi, untuk tujuan pelaburan semula berikutan aliran masuk modal ekuiti asing dan pinjaman antara syarikat yang mampan. Aliran masuk pelaburan langsung asing adalah menyeluruh pada suku tersebut, terutamanya oleh syarikat dalam sektor *perkilangan, minyak dan gas* serta *perkhidmatan*, khususnya dalam subsektor *kewangan dan insurans.*

Kenaikan bersih aset pelaburan langsung (termasuk aliran pelaburan langsung ke luar negeri) bagaimanapun lebih rendah pada RM11.5 bilion (S4 2012: -RM16.5 bilion), disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman yang lebih rendah oleh syarikat Malaysia kepada anak syarikat mereka di luar negeri. Pemerolehan aset pelaburan langsung sebahagian besarnya adalah oleh syarikat dalam sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor *hiburan* serta *kewangan dan insurans*. Pelaburan syarikat Malaysia ke luar negeri dalam sektor *minyak dan gas* kekal tinggi, meskipun nyata lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM3.9 bilion pada suku pertama (S4 2012: +RM10.4 bilion). Aliran masuk bersih dana portfolio asing yang berterusan ke dalam pasaran ekuiti dan bon bagaimanapun telah diimbangi sebahagiannya oleh pemerolehan aset portfolio asing yang lebih tinggi oleh pemastautin.

Malaysia: Destinasi Eksport

	2012			2013	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)				Bahagian daripada jumlah eksport (%)			
Amerika Syarikat	**5.5**	**4.1**	**5.4**	**-2.9**	**8.3**	**8.6**	**8.7**	**8.3**
Kesatuan Eropah (EU)	**-10.4**	**-15.7**	**-13.7**	**-6.6**	**9.1**	**8.8**	**8.9**	**8.8**
Jepun	**14.5**	**-14.1**	**1.9**	**-8.3**	**12.8**	**11.0**	**11.8**	**12.1**
Negara ASEAN terpilih[1]	**9.3**	**8.0**	**9.5**	**9.9**	**25.8**	**26.9**	**26.4**	**29.0**
Timur Laut Asia	**-3.1**	**-4.3**	**-3.7**	**-5.0**	**22.9**	**23.7**	**23.6**	**22.3**
RR China	*-3.4*	*-4.9*	*-3.1*	*-1.7*	*11.9*	*12.6*	*12.6*	*12.0*
Hong Kong SAR	*-8.1*	*-4.2*	*-3.8*	*-9.0*	*4.0*	*4.1*	*4.3*	*3.8*
China Taipei	*-6.0*	*-8.8*	*-6.1*	*-15.7*	*3.0*	*3.1*	*3.1*	*2.6*
Korea	*5.8*	*2.1*	*-3.6*	*-2.9*	*4.0*	*3.8*	*3.6*	*4.0*
Asia Barat[2]	**-4.8**	**-8.8**	**-3.1**	**-1.2**	**3.4**	**3.3**	**3.4**	**3.4**
India	**-5.1**	**12.9**	**4.2**	**-3.2**	**3.6**	**4.6**	**4.2**	**3.5**
Jumlah eksport	**3.9**	**-2.3**	**0.6**	**-2.4**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2]Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM0.9 bilion (S4 2012: -RM2.3 bilion), mencerminkan aliran keluar berterusan kredit perdagangan yang diberikan oleh pengeksport Malaysia kepada rakan niaga asing mereka dan penyimpanan deposit oleh bukan pemastautin dalam sistem perbankan. Sektor rasmi terus mencatat aliran keluar bersih yang kecil disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman luar.

Aliran masuk bersih dalam akaun kewangan bersama-sama dengan lebihan dalam akaun semasa menyebabkan imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM4 bilion pada suku pertama (S4 2012: +RM5.9 bilion). Kesilapan dan ketinggalan, yang sebahagiannya mencerminkan penyusutan daripada penilaian semula pertukaran asing atas rizab antarabangsa, berjumlah -RM5.6 bilion pada suku pertama.

Hutang luar negeri

Jumlah hutang luar negeri Malaysia meningkat kepada RM264.8 bilion atau USD84.9 bilion pada akhir bulan Mac 2013 (akhir bulan Disember 2012: RM252.2 bilion atau USD81.6 bilion), bersamaan dengan 27% daripada PNK.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2012		2013
	akhir-Mac	akhir-Dis	akhir-Mac[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	148.3	159.8	163.5
Sektor awam	84.2	82.9	81.8
Sektor swasta	64.1	76.9	81.7
Hutang jangka pendek[1]	101.1	92.5	101.3
Jumlah hutang luar negeri	**249.4**	**252.2**	**264.8**
bersamaan USD bilion	80.5	81.6	84.9
Hutang luar negeri/PNK (%)	27.6	27.9	27.0
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	4.1	4.6	4.3[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 April 2013
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat kepada RM163.5 bilion kerana ambilan bersih peminjaman luar negeri oleh sektor swasta telah mengimbangi pembayaran balik bersih sektor awam. Pada akhir bulan Mac 2013, hutang luar negeri jangka pendek lebih tinggi pada RM101.3 bilion, disebabkan terutamanya oleh pengeluaran bersih peminjaman antara bank.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM431.2 bilion (bersamaan dengan USD139.6 bilion) pada 29 Mac 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan dalam penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 April 2013, kedudukan rizab berjumlah RM433.3 bilion (bersamaan dengan USD140.3 bilion), memadai untuk membiayai 9.5 bulan import tertangguh dan ialah 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Perbelanjaan Kerajaan terus menyokong ekonomi dalam negeri

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terus menyokong pertumbuhan pada suku pertama, dengan jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 9.3%. Khususnya, perbelanjaan

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	47.9	57.2	207.9	43.8
% pertumbuhan tahunan	*20.4*	*20.0*	*12.1*	*-8.6*
Perbelanjaan mengurus	45.6	61.6	205.5	49.9
% pertumbuhan tahunan	*18.0*	*13.1*	*12.6*	*9.4*
Akaun semasa	**2.3**	**-4.5**	**2.4**	**-6.1**
% daripada KDNK	***1.0***	***-1.8***	***0.3***	***-2.6***
Perbelanjaan pembangunan bersih	8.1	16.6	44.3	8.8
% pertumbuhan tahunan	*28.5*	*-10.2*	*-2.2*	*8.3*
Imbangan keseluruhan	**-5.8**	**-21.1**	**-42.0**	**-14.9**
% daripada KDNK	***-2.6***	***-8.7***	***-4.5***	***-6.4***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	53.7	78.3	249.9	58.7
% pertumbuhan tahunan	*19.4*	*7.2*	*9.6*	*9.3*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	470.8	501.6	501.6	508.9
% daripada KDNK	*50.0*	*53.3*	*53.3*	*50.8*
Hutang dalam negeri	453.9	484.8	484.8	492.8
% daripada KDNK	*48.2*	*51.5*	*51.5*	*49.2*
Hutang luar negeri	16.9	16.8	16.8	16.1
% daripada KDNK	*1.8*	*1.8*	*1.8*	*1.6*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

mengurus meningkat disebabkan oleh emolumen yang lebih tinggi berikutan pembayaran bonus setengah bulan kepada penjawat awam pada bulan Januari, serta geran dan pindahan kepada badan berkanun. Perbelanjaan pembangunan juga meningkat, mencerminkan penyaluran yang lebih tinggi kepada sektor pengangkutan dan projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara dalam sektor pertanian dan pembangunan luar bandar. Sementara itu, jumlah hasil menurun sebanyak 8.6%, disebabkan terutamanya oleh kesan asas ekoran pendapatan pelaburan sekali (one-off) yang diterima pada suku pertama tahun 2012. Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal pada 6.4% daripada KDNK pada suku pertama. Pada akhir bulan Mac 2013, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM508.9 bilion atau 50.8% daripada anggaran KDNK tahun 2013.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Imbangan Pembayaran (BOP) Malaysia – Penyusunan Statistik BOP Selaras dengan Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) Tabung Kewangan Antarabangsa

Mulai suku pertama tahun 2013, Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, Malaysia, DOSM), akan menyusun dan menyiarkan statistik imbangan pembayaran (balance of payments, BOP) Malaysia berdasarkan garis panduan dalam Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (Sixth Edition of Balance of Payments and International Investment Position Manual, BPM6) Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF). Statistik BOP dari tahun 2005 telah dikelaskan semula mengikut format BPM6 untuk memastikan kebolehbandingan data siri masa.

BPM6 menyediakan rangka kerja penyusunan yang standard bagi statistik tentang urus niaga dan kedudukan antara pemastautin negara penyusun dengan negara lain di dunia (atau bukan pemastautin). Penyusun setiap negara bertanggungjawab menerapkan garis panduan ini berdasarkan ketersediaan sistem data serta rangka kerja pelaporan yang diperlukan, dan untuk melaksanakan penambahbaikan dalam penyusunan data, jika perlu.

Edisi-edisi baharu Manual diperkenalkan untuk mengambil kira perkembangan dan isu global yang memberikan impak susulan terhadap penyusunan statistik BOP dan sektor luaran yang berkaitan. Piawaian perangkaan yang disemak dalam BOP juga disebabkan oleh perubahan dalam pendekatan analisis data BOP dan untuk memantapkan lagi rangka kerja penyusunan BOP berikutan perkongsian pengalaman oleh penyusun di seluruh dunia.

Dalam edisi keenam ini, IMF menyemak Manual dengan mengambil kira perkembangan ekonomi berkaitan dengan globalisasi, inovasi kewangan dan teknologi serta lebih penekanan diberikan pada penggunaan kunci kira-kira bagi meneliti kelemahan yang mungkin wujud. Memandangkan kesalinghubungan antara perkembangan ekonomi luar negeri dengan dalam negeri, semakan BPM6 telah dilaksanakan sejajar dengan semakan Sistem Akaun Negara 2008 (System of National Accounts 2008, SNA 2008) bagi memastikan ketekalan antara kedua-dua sistem penyusunan ini.

Perubahan Utama dalam Akaun Semasa dan Kewangan di bawah BPM6

Dalam **akaun semasa**, perubahan utama dalam BPM6 adalah berdasarkan tiga rasional utama:

i. Sebarang urus niaga antara pemastautin dengan bukan pemastautin hendaklah mematuhi prinsip asas BOP, iaitu perubahan pemilikan antara pemastautin dengan bukan pemastautin.

ii. Selain semakan secara selari dengan SNA 2008, semakan BPM6 turut diselaraskan dengan amalan dalam manual antarabangsa lain, iaitu, Manual Perangkaan Kewangan Kerajaan (Government Finance Statistics, GFS), Manual Perangkaan Monetari dan Kewangan (Monetary and Financial Statistics, MFS) dan Klasifikasi

Standard Perindustrian Antarabangsa Semakan 4 (International Standard Industrial Classification Revision 4) bagi memastikan ketekalan dan kesalinghubungan antara perangkaan makroekonomi yang berbeza-beza.

iii. Liputan akaun perkhidmatan telah diperluas dan kaedah penyusunan telah dipertingkat bagi kategori dagangan dalam perkhidmatan yang terpilih.

Format penyampaian bagi akaun semasa secara amnya sama seperti BPM5[1], kerana perubahan penting dalam akaun sebahagian besarnya melibatkan pengelasan semula dan penamaan semula kategori data yang standard dalam akaun. Dalam akaun barangan, urus niaga dagangan yang melibatkan perubahan pemilikan antara pemastautin dengan bukan pemastautin akan direkodkan. Dalam hal ini, perdagangan *merchanting* dan perkhidmatan berkaitan dagangan lain dikelaskan semula daripada akaun perkhidmatan kepada akaun barangan. Perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan yang tidak melibatkan perubahan pemilikan juga dikelaskan semula daripada akaun barangan kepada akaun perkhidmatan.

Dalam akaun perkhidmatan, liputan turut diperluas dengan menambah baik kaedah penyusunan untuk beberapa kategori dagangan dalam perkhidmatan. Komponen terpilih dalam akaun perkhidmatan turut dinamakan semula atau dikelaskan semula bagi mencerminkan dengan lebih tepat jenis perkhidmatan yang disediakan. Sementara itu, akaun pendapatan dan pindahan semasa masing-masing dinamakan semula kepada pendapatan primer dan sekunder untuk membezakan antara pulangan bagi penyediaan buruh dan aset kewangan (pendapatan primer) dengan pengagihan pendapatan melalui pindahan semasa (pendapatan sekunder). Dua butiran ini juga dinamakan semula untuk menyelaraskan terminologi komponen BOP dengan SNA 2008.

Dalam **akaun kewangan**, perubahan terutamanya melibatkan format pelaporan bagi pelaburan langsung, berikutan peralihan dalam pengelasan semula aliran pelaburan langsung daripada berasaskan aliran kepada berasaskan aset-liabiliti, sejajar dengan pelaporan data Kedudukan Pelaburan Antarabangsa.

Dengan itu, istilah Pelaburan Langsung Luar Negeri (Direct Investment Abroad, DIA) dan Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment, FDI) masing-masing akan dikelaskan semula sebagai '"Aset Pelaburan Langsung" dan "Liabiliti Pelaburan Langsung", lantas mencerminkan pemerolehan aset asing oleh pemastautin bagi Aset Pelaburan Langsung dan tanggungan liabiliti asing bagi Liabiliti Pelaburan Langsung. Walau bagaimanapun, baki dalam akaun Pelaburan Langsung tidak berubah.

Komponen lain dalam akaun kewangan, seperti Pelaburan Portfolio dan Pelaburan Lain, tidak berubah kerana pendekatan kunci kira-kira bagi kedua-dua komponen ini telah dilaksanakan sejak BPM5 diterima pakai.

[1] Sila rujuk Manual Imbangan Pembayaran (Edisi Kelima), Tabung Kewangan Antarabangsa (1993), http://www.imf.org/external/pubs/ft/bopman/bopman.pdf untuk butiran lanjut.

Imbangan Pembayaran Mengikut Format BPM5 dan BPM6

BPM 5	BPM 6
IMBANGAN AKAUN SEMASA	**IMBANGAN AKAUN SEMASA**
Barangan	**Barangan**
Eksport	Eksport
Import	Import
Perkhidmatan	**Perkhidmatan**
	Perkhidmatan penyenggaraan dan pembaikan
Pengangkutan	Pengangkutan
Perjalanan	Perjalanan
Perkhidmatan pembinaan	Pembinaan
Perkhidmatan insurans	Perkhidmatan insurans dan pencen
Perkhidmatan kewangan	Perkhidmatan kewangan
Perkhidmatan komputer dan maklumat	Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat
Perkhidmatan komunikasi	
Royalti dan fi lesen	Caj untuk penggunaan harta intelektual
Perkhidmatan perniagaan lain	Perkhidmatan perniagaan lain
Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi	Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi
Urus niaga Kerajaan t.t.t.l.	Barangan dan perkhidmatan Kerajaan
Pendapatan	**Pendapatan primer**
Pampasan pekerja	Pampasan pekerja
Pendapatan pelaburan	Pendapatan pelaburan
Pindahan semasa	**Pendapatan sekunder**
IMBANGAN AKAUN MODAL	**IMBANGAN AKAUN MODAL**
Pindahan modal	**Pindahan modal**
Pemerolehan/Pelupusan	**Permerolehan/Pelupusan**
Aset Bukan Kewangan Bukan Pengeluaran	**Aset Bukan Kewangan Bukan Pengeluaran**
IMBANGAN AKAUN KEWANGAN	**IMBANGAN AKAUN KEWANGAN**
Pelaburan Langsung	**Pelaburan Langsung**
Luar Negeri	*Aset pelaburan langsung*
Dalam Malaysia	*Liabiliti pelaburan langsung*
Pelaburan Portfolio	**Pelaburan Portfolio**
Derivatif Kewangan	**Derivatif Kewangan**
Pelaburan Lain	**Pelaburan Lain**
IMBANGAN KESELURUHAN	**IMBANGAN KESELURUHAN**

Kesimpulan

Penggunaan BPM6 akan memastikan statistik BOP Malaysia mencerminkan perubahan terkini dalam urus niaga ekonomi merentas sempadan manakala penambahbaikan pada konsep dan metodologi yang sejajar dengan piawaian antarabangsa terkini akan menempatkan Malaysia setanding dengan amalan antarabangsa terbaik.

Bahan tambahan

1) Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (Edisi Keenam), Tabung Kewangan Antarabangsa (2011)
http://www.imf.org/external/pubs/ft/bop/2007/pdf/bpm6.pdf

2) Explanatory Notes on the adoption of BPM6 for Malaysia's BOP, Quarterly Balance of Payment Reports, Malaysia (First Quarter 2013), Jabatan Perangkaan Malaysia

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah terus stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.00% pada suku keempat tahun 2013. Pada paras OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku pertama. Pada tempoh 1 Januari dan 31 Mac 2013, AOIR bergerak dalam julat antara 2.91% hingga 3.00%. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain juga secara relatif stabil. Kadar bagi swap kadar faedah dan Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 3 bulan terus stabil pada suku pertama, mencerminkan jangkaan pasaran bahawa OPR tidak berubah.

Kadar deposit runcit stabil pada suku pertama. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Mac 2013, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.91% hingga 3.15%.

Kos peminjaman kepada ekonomi juga secara amnya stabil pada suku pertama. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sedikit kepada 5.50% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 5.52%). Hal ini mencerminkan tamatnya tempoh pinjaman yang dibuat semasa kos peminjaman yang lebih tinggi sebelum pengurangan OPR pada tahun 2008 dan 2009, dan peningkatan pinjaman baharu pada kadar yang lebih rendah. Kos peminjaman sektor perniagaan dan isi rumah terus menyokong aktiviti ekonomi dengan kadar pemberian pinjaman kekal berada di bawah paras sebelum krisis kewangan global.

Purata Wajaran Harian Bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2012		2013
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.00	3.00	3.00
1 bulan	3.06	3.06	3.10
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.62	5.52	5.50
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.95	2.92	2.91
12 bulan	3.21	3.15	3.15

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku pertama. Wang secara kecil atau M1, meningkat sebanyak RM4.1 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 12.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 11.9%). Wang secara luas atau M3, meningkat sebanyak RM43.9 bilion untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.1% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 9%).

Pengembangan M3 pada suku pertama disokong oleh faktor dalam negeri serta luar negeri. Dari perspektif dalam negeri, pengembangan sebahagian besarnya disebabkan oleh pemberian kredit kepada sektor swasta dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Dari perspektif luar negeri pula, M3 berkembang berikutan aliran masuk dagangan bersih, yang dicerminkan dalam pertambahan *aset asing bersih*.

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM secara relatif stabil pada suku pertama.

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**39.1**	**15.1**	**116.0**	**43.9**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	2.1	-5.0	3.2	8.6
Tuntutan terhadap sektor swasta	23.1	25.3	129.2	23.9
Pinjaman	*18.4*	*19.2*	*108.6*	*21.5*
Sekuriti	*4.7*	*6.0*	*20.6*	*2.4*
Aset asing bersih[1]	17.2	-3.9	20.6	10.7
BNM	*0.4*	*6.0*	*17.7*	*6.3*
Sistem Perbankan	*16.8*	*-9.9*	*2.9*	*4.4*
Pengaruh lain	-3.2	-1.3	-37.0	0.7

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta kekal aktif

Keadaan pembiayaan pada suku pertama terus menyokong aktiviti ekonomi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM244.7 bilion (S4 2012: RM262.2 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 11% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 12.4%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor perniagaan, meskipun pinjaman terkumpul daripada sistem perbankan meningkat lebih tinggi pada suku tersebut, pengeluaran pinjaman menjadi sederhana sedikit berbanding dengan paras yang tinggi pada tahun 2012. Paras tinggi yang dicatat pada tahun 2012 mencerminkan pemberian beberapa pinjaman sekali sahaja yang agak besar kepada syarikat besar. Pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS kekal kukuh. Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh sektor perniagaan meningkat dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi, terutamanya daripada sektor *harta tanah; kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan; borong dan runcit; restoran dan hotel;* dan *perkilangan*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar 11.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 12: 10.9%).

Pembiayaan kepada sektor isi rumah berkembang sebanyak RM16.2 bilion pada suku pertama (S4 2012: RM18.2 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman isi rumah terkumpul meningkat sebanyak 12.1% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2012: 11.6%), berikutan bertambahnya peminjaman untuk *pembelian kereta penumpang, sekuriti* dan *harta kediaman*. Permintaan isi rumah terhadap pembiayaan terus mampan dengan permohonan pinjaman yang lebih tinggi, terutamanya untuk *pembelian harta kediaman* dan *sekuriti*.

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2012			2013	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah pembiayaan kasar	**260.2**	**262.2**	**1,068.3**	**244.7**	**29.2**	**9.0**	**19.9**	**-5.9**
Pengeluaran pinjaman*	217.0	236.2	927.8	221.7	15.0	7.6	14.4	2.2
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	41.9	19.8	113.1	22.1	260.6	16.2	69.0	-47.4
Ekuiti	1.3	6.1	27.4	1.0	19.8	59.6	117.1	-24.9
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**45.8**	**31.1**	**164.5**	**32.5**	**13.3**	**12.4**	**12.4**	**11.0**
Sistem perbankan	25.0	26.0	128.4	24.7	12.5	12.0	12.0	11.7
Pinjaman terkumpul (A)	*19.7*	*19.8*	*104.5*	*23.4*	*12.2*	*10.4*	*10.4*	*10.6*
Pemegangan PDS	*5.3*	*6.2*	*23.9*	*1.4*	*17.3*	*36.6*	*36.6*	*28.2*
PDS terkumpul (B)	26.1	11.4	60.1	9.1	16.5	18.7	18.7	12.4
Memorandum								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	44.8	23.1	121.1	22.6	266.5	33.1	74.1	-49.5

*Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2012			2013	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	195.4	170.6	766.2	185.7	16.0	-11.3	2.8	-5.0
Kelulusan pinjaman	89.8	95.1	390.2	87.2	2.4	-8.6	-2.5	-2.9
Pengeluaran pinjaman	217.0	236.2	927.8	221.7	15.0	7.6	14.4	2.2
Bayaran balik pinjaman	205.6	227.1	867.1	210.7	22.3	15.8	19.4	2.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	19.7	19.8	104.5	23.4	12.2	10.4	10.4	10.6
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	105.3	70.3	372.1	84.6	32.3	-26.5	4.0	-19.6
Kelulusan pinjaman	45.3	41.8	186.3	34.5	16.5	-20.4	-3.6	-23.9
Pengeluaran pinjaman	153.0	164.9	657.6	150.4	25.3	9.4	21.0	-1.7
Bayaran balik pinjaman	146.1	164.3	624.8	146.0	33.0	18.6	26.2	0.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.6	5.0	41.2	6.8	10.8	10.9	10.9	11.7
SMEs**								
Permohonan pinjaman	54.2	36.1	172.3	43.6	43.7	-11.4	5.5	-19.5
Kelulusan pinjaman	16.4	16.3	77.5	15.9	-0.4	2.3	10.0	-2.8
Pengeluaran pinjaman	47.3	56.7	217.2	56.2	13.7	17.2	20.8	18.8
Bayaran balik pinjaman	46.0	54.7	199.0	52.6	23.4	25.0	24.7	14.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	4.8	2.5	23.8	5.6	19.9	15.5	15.5	15.6
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	51.1	34.2	199.8	41.0	22.1	-37.7	2.8	-19.8
Kelulusan pinjaman	28.9	25.5	108.9	18.6	28.9	-30.3	-11.4	-35.8
Pengeluaran pinjaman	105.7	108.2	440.4	94.1	31.4	5.7	21.1	-10.9
Bayaran balik pinjaman	100.1	109.6	425.8	93.5	38.0	15.7	26.8	-6.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-1.2	2.5	17.5	1.2	5.1	7.8	7.8	8.9
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	90.2	100.3	394.0	101.1	1.4	3.7	1.7	12.1
Kelulusan pinjaman	44.5	53.3	203.8	52.7	-8.8	3.4	-1.5	18.5
Pengeluaran pinjaman	64.0	71.4	270.2	71.3	-3.9	3.6	0.9	11.5
Bayaran balik pinjaman	59.5	62.9	242.2	64.7	2.1	8.9	4.9	8.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	11.9	18.2	63.9	16.2	11.9	11.6	11.6	12.1

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S1 12	S4 12	2012	S1 13		
	(RM bilion)				(%)	
Perusahaan perniagaan	**153.0**	**164.9**	**657.6**	**150.4**	**67.8**	**44.1**
Syarikat besar	*105.7*	*108.2*	*440.4*	*94.1*	*42.5*	*27.9*
*PKS**	*47.3*	*56.7*	*217.2*	*56.2*	*25.4*	*16.1*
Sektor terpilih						
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	5.7	8.1	28.8	8.7	3.9	2.7
Perlombongan dan kuari	1.4	1.9	7.9	2.1	0.9	0.6
Perkilangan	46.1	51.0	203.7	48.1	21.7	8.4
Pembinaan	11.9	14.6	54.4	14.7	6.6	4.1
Harta tanah	7.9	9.5	40.8	8.4	3.8	5.6
Bekalan elektrik, gas dan air	1.7	3.1	9.0	1.9	0.9	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	43.9	46.1	178.0	43.5	19.6	7.5
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.6	3.7	17.7	3.1	1.4	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	21.5	18.3	85.0	14.5	6.6	6.7
Isi rumah	**64.0**	**71.4**	**270.2**	**71.3**	**32.2**	**55.9**
Pembelian harta kediaman	16.0	16.9	64.1	16.8	7.6	26.2
Kredit penggunaan	37.1	43.3	163.1	41.9	18.9	19.1
Antaranya:						
Kad kredit	*21.4*	*24.2*	*90.2*	*23.2*	*10.5*	*2.8*
Pembelian kereta penumpang	*8.6*	*10.6*	*40.2*	*10.9*	*4.9*	*11.4*
Lain-lain	10.8	11.1	43.0	12.6	5.7	10.7
Jumlah	**217.0**	**236.2**	**927.8**	**221.7**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran modal mencatat pembiayaan bersih lebih rendah

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menjadi sederhana kepada RM16.7 bilion pada suku pertama (S4 2012: RM37.7 bilion), mencerminkan terutamanya penebusan sekuriti hutang yang nyata lebih tinggi (RM32.2 bilion; S4 2012 RM13.1 bilion). Walau bagaimanapun, pembiayaan kasar secara keseluruhan daripada pasaran modal kekal kukuh bagi sektor swasta dan sektor awam.

Dalam sektor swasta, dana kasar sebanyak RM22.6 bilion diperoleh melalui terbitan sekuriti hutang swasta, manakala RM1 bilion lagi diperoleh melalui pasaran ekuiti. Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk pembiayaan semula, modal kerja, perbelanjaan am korporat, dan perbelanjaan mengurus.

Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh meningkat kepada RM25.3 bilion (S4 2012: RM21.6 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 3.5 tahun, 5 tahun dan 10 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII), 15.5 tahun serta pembukaan semula GII 3 tahun dan 7 tahun. Dana juga diperoleh melalui terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan berjumlah RM1.7 bilion.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2012			2013
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**13.7**	**17.6**	**46.7**	**8.0**
Government securities, *net*	15.6	15.7	48.7	6.3
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*12.8*	*11.6*	*54.7*	*13.5*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*12.0*	*8.0*	*42.2*	*10.1*
Tolak: Penebusan	*9.2*	*4.0*	*48.3*	17.2
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	(1.9)	-	(6.5)	-
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	-	1.9	4.5	1.7
Oleh Sektor Swasta	29.8	**20.1**	**90.7**	**8.7**
Saham	1.3	6.1	27.4	1.0
Sekuriti hutang, *bersih*	28.5	14.0	63.3	7.7
Sekuriti Hutang Swasta	*44.8*	*23.1*	*121.1*	*22.6*
Tolak: Penebusan	*16.3*	*9.1*	*57.8*	*14.9*
Jumlah	**43.5**	**37.7**	**137.4**	**16.7**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon secara amnya stabil

Pada suku pertama, kadar hasil MGS secara amnya stabil susulan jangkaan pasaran bahawa kadar dasar semalaman tidak berubah. Kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sedikit, iaitu 0.3, 2 dan 3 mata asas.

Pada amnya, kadar hasil bon korporat juga mencatat penurunan sedikit pada suku pertama, selaras dengan kadar hasil MGS. Kadar hasil bagi AAA 5 tahun mencatat peningkatan kecil sebanyak 1 mata asas, manakala kadar hasil AA dan A 5 tahun masing-masing menurun sebanyak 0.6 dan 5.3 mata asas.

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Bon Korporat 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih tinggi

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM198 bilion pada suku pertama (S4 2012: RM166 bilion). Peningkatan dalam urus niaga pasaran sekunder ini adalah menyeluruh, dengan segmen MGS dan GII masing-masing mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi sebanyak 0.38 dan 0.32.

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurus niaga / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

FBM KLCI lebih rendah ekoran aktiviti pengambilan keuntungan

FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menyusut sebanyak 17.3 mata untuk ditutup pada 1,671.6 mata pada suku pertama (akhir bulan Disember 2012: 1689.0 mata). Indeks menurun pada bulan Januari, disebabkan terutamanya oleh aktiviti pengambilan keuntungan oleh pelabur selepas indeks mencapai paras tertinggi pada 1694.2 mata pada 7 Januari. Pada bulan Februari dan Mac, indeks didagangkan dalam julat lebih kecil pada jumlah yang lebih rendah, dalam keadaan sentimen pelabur yang lebih berhati-hati berikutan ketidakpastian mengenai

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2013 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

tarikh Pilihan Raya Umum dalam negeri dan penghindaran risiko oleh pelabur global yang meningkat disebabkan oleh krisis perbankan di Cyprus. Walau bagaimanapun, harga ekuiti meningkat semula menjelang akhir bulan Mac, didorong terutamanya oleh sentimen domestik yang lebih baik berikutan data pertumbuhan ekonomi Malaysia pada suku keempat yang lebih baik daripada jangkaan. Pengumuman data ekonomi yang menggalakkan di AS dan pengumuman langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan krisis perbankan di Cyprus turut mengekalkan minat pelabur. Secara keseluruhan, permodalan pasaran kekal tidak berubah pada RM1.47 trilion pada akhir bulan Mac 2013, manakala urus niaga purata harian meningkat sedikit kepada 1.07 bilion unit (S4 2012: 1.05 bilion unit).

Pada 10 Mei 2013, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,772.4 mata (sejak akhir bulan Mac 2013: 6.03%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.58 trillion (sejak akhir bulan Mac 2013: 7.22%).

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau dan mata wang utama

Pada suku pertama, pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain didorong terutamanya oleh ketidakpastian terhadap tempoh pemansuhan dalam pelaksanaan langkah-langkah pelonggaran kuantitatif di AS dan perkembangan di Eropah. Keadaan ini seterusnya menyebabkan berlakunya pengeluaran dana daripada aset-aset dalam pasaran sedang pesat membangun. Ringgit juga dipengaruhi oleh ketidakpastian dalam negeri dalam tempoh ini menjelang Pilihan

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2012			2013
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,596.3	1,689.0	1,689.0	1,671.6
FBMEMAS[1]	10,939.6	11,438.1	11,438.1	11,420.5
Pasaran ACE[2]	4,583.8	4,214.2	4,214.2	4,008.3
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,355.4	1,465.7	1,465.7	1,472.5
Bilangan syarikat yang disenaraikan	939	921	921	915
	Pada tempoh suku			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	2,019.9	1,053.6	1,361.3	1,070.6
Nilai (RM juta)	1,977.8	1,509.0	1,667.5	1,716.1

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2012						2013	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	119.2	116.4	65.3	93.6	333.5	408.3	62.1	99.5
Antaranya:								
Papan Utama	75.6	109.5	50.8	91.3	224.2	390.6	48.9	97.9
Antaranya								
Produk Pengguna	9.4	7.8	4.6	5.0	22.6	24.7	3.1	5.3
Produk Industri	13.3	16.7	10.6	8.5	44.6	44.3	8.7	7.0
Pembinaan	2.8	4.9	2.1	3.1	8.3	14.3	2.4	3.9
Dagangan/Khidmat	29.4	39.9	20.8	42.1	88.3	161.7	16.6	42.3
Kewangan	4.0	19.8	2.6	17.6	13.5	75.1	3.5	21.9
Harta Benda	7.8	6.5	3.7	3.6	19.5	18.7	5.1	5.7
Perladangan	1.7	5.8	1.1	4.7	5.9	25.4	1.2	4.8
Infrastruktur	2.0	3.4	1.1	3.9	5.4	13.6	1.2	4.1
Pasaran ACE[1]	27.7	4.3	10.0	1.8	76.1	12.6	10.5	1.3

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Raya Umum. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.0% berbanding dengan dolar AS, tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (8.4%), paun sterling (5.2%) dan euro (2.0%). Prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau adalah bercampur-campur. Ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (3.3%) dan dolar Singapura (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia, renminbi China, peso Filipina dan baht Thailand antara 0.2% hingga 5.2%.

Pada tempoh antara 1 April hingga 10 Mei 2013, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (10.9%), dolar AS (3.4%), paun sterling (1.8%), dan euro (1.7%). Ringgit menambah nilai berbanding dengan mata wang serantau antara 2.2% hingga 4.6%.

Aktiviti dalam pasaran derivatif pertukaran asing terus lemah

Aktiviti derivatif dalam pasaran pertukaran asing menurun sebanyak 5.7% berbanding dengan suku sebelumnya, serupa dengan aktiviti yang lebih perlahan dalam pasaran spot pertukaran asing. Penurunan ini disebabkan oleh musim perayaan Tahun Baru Cina pada

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Januari - 29 Mac 2013)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

bulan Februari dan sentimen pelabur yang berhati-hati susulan ketidakpastian dalam pasaran kewangan Eropah.

Sementara itu, kos peminjaman dolar AS menerusi pasaran swap mata wang bersilang terus stabil. Swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun didagangkan dalam julat antara 122 dan 125 mata asas pada suku itu. Walau bagaimanapun, mata asas ini menjadi sederhana kepada kira-kira 80 mata asas pada bulan April, disebabkan oleh peningkatan aliran masuk susulan langkah monetari mengembang yang diumumkan oleh BoJ.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 12	S4 12	S1 13	21 Jul 05	S1 12	S4 12
Dolar AS	3.8000	3.0680	3.0583	3.0885	23.0	-0.7	-1.0
Euro	4.6212	4.0955	4.0412	3.9618	16.6	3.4	2.0
Paun sterling	6.6270	4.9008	4.9420	4.6971	41.1	4.3	5.2
100 yen Jepun	3.3745	3.7396	3.5576	3.2811	2.8	14.0	8.4
Dolar Singapura	2.2570	2.4405	2.5030	2.4911	-9.4	-2.0	0.5
100 baht Thailand	9.0681	9.9433	9.9910	10.545	-14.0	-5.7	-5.2
100 peso Filipina	6.8131	7.1407	7.4446	7.5606	-9.9	-5.6	-1.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0334	0.0317	0.0318	21.6	5.1	-0.2
100 won Korea	0.3665	0.2702	0.2865	0.2773	32.2	-2.6	3.3
Renminbi China	0.4591	0.4870	0.4909	0.4973	-7.7	-2.1	-1.3

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Kestabilan kewangan dalam negeri kekal teguh pada suku pertama meskipun wujud ketidakpastian yang berterusan dalam pasaran kewangan global, terutamanya di kawasan euro. Aktiviti pengantaraan kewangan terus efektif disokong oleh keteguhan institusi kewangan, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan berterusan terhadap sistem kewangan.

Risiko kredit dalam sistem perbankan stabil pada suku pertama, mencerminkan keupayaan berterusan peminjam untuk membayar balik hutang, berikutan pengembangan berterusan aktiviti ekonomi dalam negeri. Pada akhir bulan Mac, nisbah pinjaman terjejas bersih bank kekal stabil pada 1.3% (S4 2012: 1.4%), manakala pinjaman tertunggak antara 1 bulan hingga 3 bulan adalah lebih rendah iaitu 3.4% daripada jumlah pinjaman (S4 2012: 3.5%). Dedahan risiko kredit dalam industri insurans, terutamanya melalui pemegangan sekuriti hutang swasta dan penempatan insurans semula, juga stabil pada 3.3% daripada jumlah modal asas penanggung insurans.

Aset kewangan sektor isi rumah meningkat sebanyak 2.8% pada suku pertama (S4 2012: 2.2%), lebih tinggi berbanding dengan pengembangan hutang isi rumah iaitu 2.5% (S4 2012: 3.1%). Pengumpulan hutang oleh sektor isi rumah kebanyakannya bertujuan untuk pembiayaan harta kediaman. Pinjaman delinkuensi sebahagian besarnya tidak berubah, dengan nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman tertunggak antara 1 bulan hingga 3 bulan bagi pinjaman isi rumah daripada institusi perbankan masing-masing stabil pada 1.4% dan 2.2% daripada pinjaman isi rumah (S4 2012: masing-masing 1.5% dan 2.4%), menandakan keupayaan berterusan sektor isi rumah untuk membayar balik hutang.

Pembiayaan sistem perbankan kepada perniagaan terus meningkat pada suku pertama (1.7%; S4 2012: 1.2%). Penampan kewangan yang dikumpul oleh perniagaan terus memberikan sokongan terhadap kesan yang mungkin timbul daripada persekitaran luar yang lebih lemah. Pemegangan tunai dan kesamaan tunai (cash equivalent) sektor perniagaan meningkat sebanyak 0.6% (S3 2012: 0.2%). Risiko kredit institusi kewangan terhadap sektor perniagaan secara keseluruhan terus kekal terurus berikutan keupayaan membayar balik hutang oleh perniagaan kekal utuh (nisbah perlindungan faedah: 5.6 kali; S3 2012: 5.8 kali), disokong oleh keberuntungan dan kecekapan operasi yang berterusan dalam keadaan kedudukan leveraj yang rendah dan stabil. Paras pinjaman terjejas kekal pada 3% daripada pinjaman perniagaan pada suku pertama (S4 2012: 3%), manakala nisbah pinjaman tertunggak antara 1 bulan hingga 3 bulan kekal rendah pada 1.4% (S4 2012: 1.2%).

Dalam tempoh terdekat, hala tuju risiko kredit dalam sistem perbankan dijangka tidak berubah dengan ketara. Pembiayaan isi rumah dan perniagaan akan terus disokong oleh pengembangan aktiviti ekonomi dalam negeri, sementara keadaan guna tenaga yang stabil akan mengekalkan keupayaan membayar balik hutang. Institusi kewangan secara amnya terus melaksanakan amalan pengunderaitan dan pengurusan risiko yang teguh. Keupayaan sektor perniagaan untuk menghadapi persekitaran luar yang lebih lemah dijangka terus kukuh, dan risiko mungkir, yang diukur oleh kebarangkalian jangkaan mungkir, bertambah baik kepada 0.49% pada akhir suku pertama (S4 2012: 0.50%).

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dedahan institusi kewangan kepada risiko pasaran secara relatif kekal tidak berubah. Turun naik aliran modal jangka pendek terus dipengantarakan oleh sistem kewangan dengan lancar tanpa mengganggu pasaran dalam negeri. Turun naik dalam pasaran bon awam berkurang dan ketidaktentuan purata kadar hasil MGS 10 tahun menurun kepada 4.7% (S4 2012: 8.6%). Aktiviti dagangan, yang diukur oleh nisbah pusing ganti, meningkat kepada 12.9% (S4 2012: 10.3%). Spread bida-tawar MGS terus stabil, dan mencatat purata 6.9% daripada harga pertengahan purata (S4 2012 purata: 7.8%). Turun naik dalam pasaran ekuiti meningkat pada suku pertama kepada 7.6% (S4 2012: 6.6%) disebabkan oleh kebimbangan yang timbul semula di Eropah dan ketidakpastian politik dalam negeri. Walau bagaimanapun, dedahan risiko kadar faedah dan ekuiti bank masing-masing secara relatif tidak berubah pada 4.9% dan 0.5% daripada modal asas (S4 2012: masing-masing 4.9% dan 0.6%). Dedahan penanggung insurans kepada risiko kadar faedah dan ekuiti juga masing-masing terkawal pada 3.5% dan 6.4% daripada jumlah modal asas (S4 2012: masing-masing 3.7% dan 6.6%). Di samping itu, risiko asas menjadi sederhana apabila spread antara IRS dengan MGS stabil sejak awal tahun, didorong oleh kadar IRS yang menurun selepas mencatat trend meningkat sejak separuh kedua tahun 2012.

Potensi risiko yang timbul daripada dedahan langsung institusi kewangan kepada Eropah dan daripada aktiviti penyahleveraj oleh institusi kewangan Eropah kekal terhad. Dedahan kredit langsung sektor perbankan kepada Eropah terus mencakupi kurang daripada 10% daripada modal asas bank. Bank Eropah yang diperbadankan di Malaysia terus melaporkan keuntungan yang kukuh dan tidak menunjukkan tanda akan mengurangkan operasi mereka di Malaysia.

Sektor kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Sistem perbankan terus berdaya tahan terhadap perkembangan buruk dalam ekonomi dan sistem kewangan, dengan penampan modal kukuh yang melebihi RM74 bilion pada akhir suku pertama tahun 2013. Sejajar dengan tempoh masa yang ditetapkan di seluruh dunia, piawaian modal baharu di bawah Basel III dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Januari 2013. Meskipun terdapat keperluan modal yang lebih kukuh, permodalan bank terus kukuh, dengan sistem perbankan mencatat Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (Common Equity Tier 1, CET1), Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal

Sistem Perbankan: Permodalan Mengikut Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

yang melebihi paras minimum pengawalseliaan, masing-masing pada 12.2%, 13.1% dan 14.5%. Lebih 84% daripada jumlah modal mengandungi modal ekuiti biasa kumpulan 1 berkualiti tinggi, yang terdiri daripada modal berbayar, keuntungan tertahan dan rizab. Sektor insurans juga mengekalkan nisbah kecukupun modal yang mantap sebanyak 221.6% (S4 2012: 222.8%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM22.7 bilion.

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan pada suku pertama menyusut sedikit kepada RM6.9 bilion (S4 2012: RM7.7 bilion), disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada aktviti berasaskan fi dan berkaitan pelaburan, serta peruntukan hutang ragu dan lapuk dan juga kos overhed yang lebih tinggi. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing stabil pada 1.4% dan 15.3% (S4 2012: masing-masing 1.6% dan 17.5%).

Dalam industri insurans dan takaful, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang dicatatkan oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga adalah lebih rendah, disebabkan terutamanya oleh pendapatan premium yang lebih rendah, khususnya dalam produk bersandarkan pelaburan dan produk sertaan (RM3.8 bilion; S4 2012: RM4.5 bilion). Perolehan bersih yang lebih rendah turut menyumbang kepada keuntungan lebih rendah, tetapi telah diimbangi oleh keuntungan yang lebih tinggi daripada jualan aset. Penanggung insurans am dan pengendali takaful mencatat keuntungan operasi sebanyak RM721 juta (S4 2012: RM854 juta), dalam keadaan keuntungan pengunderaitan yang lebih rendah.

Daya tahan sistem perbankan juga disokong oleh mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem. Penampan mudah tunai untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek bagi tempoh satu minggu dan satu bulan masing-masing kekal selesa pada 16.5% dan 16.8% daripada jumlah deposit (S4 2012: masing-masing 17% dan 16.2%). Penempatan bersih oleh bank dengan BNM yang boleh dikeluarkan untuk memenuhi keperluan mudah tunai tambahan berjumlah RM142 bilion. Kedudukan ketakpadanan dolar AS dalam kelompok matang kurang daripada satu bulan meningkat dan mencatat lebihan yang lebih besar iaitu RM4.5 bilion (S4 2012: lebihan RM3.1 bilion). Hal ini berbeza dengan kelompok matang kurang daripada satu minggu yang mencatat kurangan sebanyak RM0.8 bilion (S4 2012: lebihan RM4.3 bilion). Walau bagaimanapun, kedudukan kurangan ini sebahagian besarnya didorong oleh penempatan antara bank dan kontrak mata wang asing, yang digunakan terutamanya untuk aktiviti perbendaharaan dan bagi perlindungan nilai terhadap kontrak dasar dengan perniagaan.

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2012			2013	
	S1	S4	Tahun	S1	
	RM juta				Perubahan tahunan (%)
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	3,912.9	4,451.1	17,724.4	3.786.6	-3.2
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	652.6	854.0	2,898.1	721.1	10.5
Nisbah tuntutan (%)	60.6	57.4		52.8	-7.8 (mata peratusan)

Sumber: Bank Negara Malaysia